

KB1M tingkat kesihatan masyarakat luar bandar

Malaysia adalah antara destinasi pilihan utama dunia bagi penyediaan khidmat kemudahan kesihatan terbaik dengan kos berpatutan apabila menduduki tempat ketiga dalam Indeks Persaraan Global 2014 dikeluarkan laman web *InternationalLiving.com*.

Indeks bagi kategori khidmat kesihatan dikeluarkan secara tahunan oleh syarikat penerbitan di Amerika Syarikat itu menunjukkan Perancis menduduki tempat pertama, manakala Uruguay di tempat kedua diikuti Malaysia tempat ketiga.

Destinasi pelancongan kesihatan terbaik

Antara kriteria yang dinilai termasuklah dari segi kos dan kualiti perkhidmatan, nisbah doktor kepada penduduk, bilangan katil di hospital untuk 1,000 penduduk, kadar kematian bayi, jangka hayat, peratusan penduduk dengan akses bekalan air dan perbelanjaan kesihatan awam sebagai peratusan daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Portal berkenaan juga menyatakan Malaysia adalah antara destinasi pelancongan kesihatan ter-

baik yang menawarkan perkhidmatan termurah di dunia, di samping pakar perubatan yang setanding, bahkan lebih baik daripada beberapa negara Barat.

Di sebalik pengiktirafan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ada berkata, kerajaan sedar masih ada banyak lagi kekurangan yang perlu diperbaiki, masih ada banyak kawasan, khususnya di luar bandar yang me-

merlukan hospital dan klinik. Inilah cabaran negara dalam usaha menyediakan suasana kehidupan lebih baik untuk segenap lapisan rakyat.

Terbaharu, Kementerian Kesihatan yang diketuai Menteri, Datuk Seri Dr S Subramaniam berusaha mempertingkatkan kualiti Perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M).

Khidmat kesihatan bergerak KB1M adalah antara inisiatif kerajaan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan menggunakan bot atau bas yang dilengkapi peralatan kesihatan serta ubat-ubatan yang disediakan khusus untuk masyarakat luar bandar yang kurang mendapat kemudahan kesihatan yang biasa seperti di kawasan ladang, kampung tradisional dan

kepada masyarakat Orang Asli.

Merujuk kepada Laporan Dewan Rakyat bilangan ke-49 bertarikh 17 November 2014, berhubung Perkhidmatan KB1M, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, melaporkan, KB1M beroperasi di 164 lokasi perhentian yang meliputi 265 kampung dan sehingga Disember 2013, seramai 25,823 pelanggan atau pesakit berdaftar dengan klinik bergerak ini.

Dalam hal ini jelas kerajaan memainkan peranan cukup besar dalam soal penjagaan kesihatan rakyat dan sentiasa prihatin dengan nasib rakyat melalui penyediaan kemudahan yang memuaskan.

Nik Nabilah Zamakhshari
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

FAKTA NOMBOR

164
lokasi

perhentian KB1M
di seluruh negara